

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**

**SOALAN : 28**

**Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat meneruskan perkhidmatan feri di Pulau Pinang.

**JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk menamatkan perkhidmatan feri Pulau Pinang yang menghubungkan antara Pengkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth dan Pengkalan Raja Uda di Georgetown. Pada masa ini, syarikat Rapid Ferry yang dimiliki oleh syarikat Prasarana yang mana Prasarana merupakan syarikat milik penuh Kerajaan mengendalikan perkhidmatan feri tersebut bermula pada 1 Mei 2018 setelah mengambil alih perkhidmatan berkenaan dari Penang Port Sdn. Bhd.

Jumlah pejalan kaki yang menggunakan perkhidmatan feri ini bagi tempoh 2016 hingga 2018 adalah seramai 4,029,541 orang. Pada masa sama, jumlah kenderaan yang menggunakan perkhidmatan feri adalah sebanyak 4,252,194.

**NO. SOALAN : 28**

Statistik penumpang, kenderaan, motor dan basikal yang menggunakan perkhidmatan feri di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

<b>Jenis Pengguna</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
Kereta	475,933	435,105	528,758
Lori	19,351	24,482	29,310
Motosikal	835,322	847,042	1,010,535
Basikal	12,263	14,985	19,108
Pejalan Kaki	1,383,581	1,274,862	1,371,098
<b>JUMLAH</b>	<b>2,726,450</b>	<b>2,596,476</b>	<b>2,958,809</b>